Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	15/12/2019	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

BIMBANG BAH 2011 BERULANG

21 keluarga babitkan 97 lelaki, perempuan, bayi dan kanak-kanak mula huni PPS

Oleh Ahmad Ismail
am@metro.com.my

Labis

"Kami bimbang bah besar pada 2011 berulang dan mengambil keputusan berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) kerana lebih selamat," kata Ketua Kampung Lembah Bakti, Faizul Jaafar, 46.

Menurutnya, jam 5.30 pagi semalam beberapa rumah penduduk mula dinaiki air sedalam kira-kira satu meter menyebabkan mereka mengambil keputusan membawa semua dokumen penting dan berpindah ke PPS iaitu Balai Raya Kampung Lembah Bakti.

Katanya, seramai 21 keluarga membabitkan 97 mangsa lelaki, perempuan, bayi dan kanak-kanak mula menghuni PPS sejak 11 pagi.

"Berdasarkan pengalaman bah besar pada 2011, PPS ini turut dinaiki air. Jam 2 petang kami berpindah ke PPS Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ai Chun, Tenang kerana lebih selamat.

"Perpindahan mangsa ke SJKC Ai Chun turut dibantu kenderaan Majlis Daerah Labis (MDL) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Segamat malah ada juga mangsa berpindah menggunakan kenderaan sendiri," katanya ketika ditemui di Balai Raya Kampung Lembah Bakti sejurus sebelum dipindahkan ke PPS (SJKC) Ai Chun.

Hadir sama, Pegawai Daerah Segamat, Nasri Mad Ali.

Faizul berkata, hujan berterusan sejak malam kelmarin menyebabkan air parit berdekatan kampung melimpah hingga membanjiri rumah penduduk.





ANGGOTA Bomba membantu memindahkan mangsa banjir di Kampung Usaha Jaya dan Sungai Karas, Labis.



PENDUDUK kampung mula berpindah selepas kediaman dinaiki air di Kampung Melayu Mardi, Kluang.



ANGGOTA bomba menyelamatkan kucing yang terperangkap ketika kejadian banjir di Kampung Sungai Rambai, Simpang Renggam.



ANGGOTA bomba membantu memindahkan mangsa banjir di Kampung Usaha Jaya dan Sungai Karas, Labis.

Kenduri dalam banjir

Simpang Renggam: Walaupun dinaiki air setinggi kira-kira 0.5 meter, sepasang pengantin baru di Kampung Chokro masih meneruskan majlis menyambut tetamu tanpa pelamin, semalam.

Selain itu, pasangan Izat Samsudin, 28 dan isterinya, Siti Zaleha Satiman, 27, terpaksa berpakaian biasa bagi mengelak busana pengantin rosak terkena banjir.

Bapa pengantin lelaki, Yusuf Jaafar, 52, berkata, air mula naik jam 3 pagi semalam selepas hujan tanpa henti sejak jam 4 petang dan tempat pertama ditenggelami adalah tempat memasak nasi dan lauk.

Katanya, berikutan itu mereka terpaksa memindahkan dapur ke tempat lebih tinggi kerana air naik setinggi 0.5 meter sebelum mulai turun sehingga 0.3 meter.

"Melihat keadaan air yang agak deras, kami terpaksa menghubungi pihak andaman untuk memastikan pelamin serta tempat makan beradab dibuka supaya ia tidak dihanyutkan air.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana semua jamuan siap dimasak sebelum waktu jamuan bermula jam 11 pagi tadi," katanya ketika ditemui, semalam.



IZAT dan Siti Zaleha disandingkan tanpa pelamin di kediaman keluarga yang dinaiki air banjir di Kampung Chokro, semalam.

Yusuf dan isterinya, Midah Simon, 50, berkata, walaupun gembira majlis dapat berjalan dengan lancar mereka terkilan kerana ia tidak boleh dilakukan dengan sempurna.

Sementara itu, Izat dan Siti Zaleha ketika ditemui berkata, ia pengalaman paling bersejarah dan indah hidup mereka yang baru bergelar suami isteri.

"Ia hari bersejarah dan lebih manis, pada majlis kami air naik hingga kami terpaksa membuka pelamin dan menukar pakaian. Tidak semua orang dapat pengalaman seperti ini dan ia dianggap sebagai murah rezeki mengikut orang Jawa.

"Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir walaupun tempat makan ditenggelami air selain semua ahli keluarga, jiran serta rakan-rakan yang banyak membantu pada majlis ini," katanya.

Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	15/12/2019	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	**PERHATIAN**			

"Perpindahan berjalan lancar dan penduduk memberikan kerjasama kerana bimbang kampung terputus hubungan seperti yang berlaku pada 2011," katanya.

Sementara itu Nasri berkata, penduduk di lokasi mudah di naiki air sekitar Segamat dinasihatkan peka dengan kenaikan air dan segera berpindah ke PPS berhampiran.

"Jangan tangguh untuk berpindah jika arahan dikeluarkan pihak berkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Perpindahan dilakukan bagi menyelamatkan nyawa penduduk dan kami berharap semua mangsa memberikan kerjasama apabila perlu berbuat demikian," katanya.



FAIZUL (kanan) bersama penduduk memindahkan motorsikal yang terlibat banjir di Kampung Lembah Bakti, Labis.



Enam daerah dinaiki air

Johor Bahru: Hujan lebat berterusan selama hampir 24 jam sejak 4 petang kelmarin menyebabkan enam daerah di negeri ini dinaiki air sekali gus menyaksikan 2,640 membabitkan 703 keluarga dipindahkan ke 42 Pusat Pemindahan Sementara (PPS), semalam.

Sekreteriat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Johor berkata, Muar adalah daerah terbaru yang terjejas membabitkan lima mangsa daripada dua keluarga ditempatkan di PPS Bangunan GPW Maokil, Felda Maokil.

Menurutnya, sejak 11 pagi tadi sebanyak 42 PPS dibuka di seluruh negeri menempatkan 703 keluarga membabitkan 2,640 mangsa.

Katanya, pada jam 6 petang semalam jumlah mangsa meningkat kepada 2,640 berbanding tiga sebelumnya iaitu seramai 1,364 daripada 355 keluarga.

"Jumlah PPS yang dibuka juga bertambah daripada 21 kepada 42 PPS pada jam 6 petang.

"Daerah lain yang terjejas adalah Kota Tinggi, Mersing, Kluang, Segamat dan Kulai.

"Selain Muar, setakat ini sebanyak 12 PPS beroperasi di Kota Tinggi membabitkan 201 keluarga (790 mangsa), lapan PPS di Mersing membabitkan 247 keluarga (939 mangsa), 18 PPS di Kluang membabitkan 187 keluarga (679 mangsa) dan dua di Segamat membabitkan 45 keluarga (166 mangsa) serta sebuah PPS di Kulai membabitkan 61 mangsa daripadanya 21 keluarga," katanya.

Selain itu, katanya, tiga jalan di Kampung Tunjuk Laut, Kota Tinggi dan jalan Kampung Mawai Lama ditutup untuk semua kenderaan manakala jalan lain sudah boleh digunakan.

Kejadian terburuk sejak 12 tahun lalu

Kluang: Hujan berterusan sejak 4 petang kelmarin menyebabkan banjir di hampir keseluruhan daerah ini yang juga kejadian terburuk sejak 12 tahun lalu.

Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu berkata, sehingga tengah hari semalam sebanyak lima pusat penempatan sementara (PPS) banjir membabitkan 191 mangsa daripada 37 keluarga dibuka di Kluang.

Katanya, selain itu lima kampung Orang Asli di Kahang iaitu, Kampung Orang Asli Sedohok, Kuala Sengka, Kuala Pasir, Sungai Peroh dan Pucur dilaporkan terputus hubungan selepas laluan ke penempatan mereka ditenggelami air sejak awal pagi semalam.

"Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Kluang menggerakkan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan kerja pemindahan mangsa.

"Manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pasukan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA) bertindak menyalurkan bantuan di semua PPS yang dibuka," katanya ketika ditemui selepas meninjau PPS Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ping Ming dan Balai Raya Kampung Melayu Mardi, semalam.

Ismail berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kem Mahkota sentiasa bersiap sedia dan menghulurkan bantuan sekiranya keadaan bertambah teruk di sekitar Kluang dan Kahang, manakala Pasukan Batalion Ke-5 Pasukan Gerakan Am (PGA) dipertanggungjawabkan membantu kawasan perumahan di Simpang Renggam.

"Orang ramai perlu sentiasa bersedia untuk dipindahkan sekiranya kawasan rumah mereka dinaiki air dan kami menjangkakan lebih banyak PPS akan dibuka," katanya.

RINGKAS

Siren amaran berbunyi jam 3.30 pagi

Kluang: Penggunaan siren amaran banjir menyelamatkan seramai 77 mangsa daripada 14 keluarga dari Kampung Melayu Mardi yang berpindah selepas kawasan rumah mereka dinaiki air bermula tengah malam kelmarin akibat hujan berterusan sejak 4 petang.

Seorang penduduk, Rithaudin Sajudin, 17, berkata, selepas siren amaran banjir dibunyikan sekitar jam 3.30 pagi mereka mula berkemas untuk berpindah ke Balai Raya Kampung Melayu Mardi seperti kebiasaan apabila berlaku banjir di kawasan itu.

Katanya, sebanyak 10 keluarga tiada pilihan lain kecuali berpindah selepas melihat air naik setinggi kira-kira satu meter.

"Memang kami menjangka air akan naik selepas hujan tanpa henti sejak 4 petang, namun tidak menjangka ia naik setinggi ini. Berikutan itu, kami mengambil tindakan berpindah sendiri kerana bimbang air yang deras di Sungai Mengkibol akan membahayakan keselamatan semua penduduk," katanya.

MetMalaysia keluar amaran cuaca bahaya di Mersing, Kota Tinggi

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran cuaca bahaya (merah) di Mersing dan Kota Tinggi, Johor.

Kedua-dua kawasan itu diramal mengalami hujan yang sangat lebat dijangka berterusan sehingga hari ini.

Jabatan itu dalam kenyataan turut mengeluarkan amaran cuaca buruk peringkat jingga sehingga hari ini di Rompin, Pahang dan tujuh kawasan di Johor iaitu Segamat, Muar, Batu Pahat, Kluang, Pontian, Kulai dan Johor Bahru.

Amaran cuaca waspada (kuning) pula berkuat kuasa sehingga hari ini diramal di Pekan, Pahang, dan Tangkak, Johor.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dengan ombak mencapai 3.5 meter dijangka boleh berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dalam tempoh itu.

Kejadian itu boleh mendatangkan risiko limpahan air laut di pesisir pantai dan muara sungai di kawasan terbabit. – Bernama